

Tatacara Pendaftaran Kes Fasakh

- (i) Tuntutan hendaklah difailkan di Mahkamah Syariah.
- (ii) Dokumen pendaftaran kes hendaklah difailkan seperti berikut:
 - ✓ Surat iringan pemfailan kes
 - ✓ Penyata tuntutan
 - ✓ Salinan kad pengenalan plaintif
 - ✓ Salinan sijil nikah atau pengesahan nikah
 - ✓ Wakalah Peguam Syarie (jika guna khidmat peguam)
 - ✓ Lain-lain dokumen berkaitan tuntutan (jika ada)

NOTA PERINGATAN:

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.

ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-257032 088-258549
FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN
BANGUNAN URUSETIA NEGERI
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155
FAKS:089-670150

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,
PETI SURAT 1882
91043 TAWAU
TEL:089-765942, 089-760908
FAKS:089-765942

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU
TEL:087-336227, FAKS:087-339980

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-253579 FAKS:088-219066



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

FASAKH



Definisi dan Sebab Tuntutan

Fasakh ialah pembubaran perkahwinan dengan perintah Hakim disebabkan oleh suatu hal keadaan yang diharuskan oleh Hukum Syarak. Perkara ini diperuntukan dalam seksyen 53(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004. Fasakh boleh dituntut samada oleh suami atau isteri.

Sebab-sebab yang membolehkan tuntutan fasakh di buat adalah seperti berikut:

- (a) Suami/isteri tidak diketahui (ghaib) selama tempoh lebih daripada setahun.
- (b) Suami cuai memberi peruntukan nafkah selama tempoh 3 bulan.
- (c) Suami/isteri dipenjarakan selama 3 tahun atau lebih.
- (d) Suami/isteri tidak memberi nafkah batin selama tempoh 1 tahun.
- (e) Suami telah mati pucuk.

(f) Suami/isteri telah gila selama tempoh 2 tahun atau mengidap penyakit kusta atau vitiligo atau penyakit kelamin.

(g) Isteri telah dikahwinkan oleh bapa atau datuknya sebelum umur 16 tahun dan menolak perkahwinan itu sebelum umur 18 tahun dan ia belum disetubuhi oleh suaminya.

(h) Suami/isteri telah menganiaya isteri/suami, antaranya;

- (i) Kelazimannya menjadikan isterinya/suaminya menderita;
- (ii) Memaksa isteri hidup secara lucah;
- (iii) Berkawan dengan perempuan/lelaki jahat atau perangai keji;
- (iv) Melupuskan harta isteri/suami;
- (v) Menghalang isteri/suami dari menunaikan kewajipan agama

atau amalan agama;

(vi) Tidak adil kepada isteri-isteri yang ada (berpoligami).

(i) Suami enggan menyetubuhi isteri dalam tempoh 4 bulan.

(j) Isteri tidak izin dengan perkahwinan itu

(k) Apa-apa alasan lain yang diakui mengikut hukum syara'.